



| | |
|---------------|---|
| TARIKH | SABTU, 8 JANUARI 2022 |
| AKHBAR | BERITA HARIAN |
| TAJUK ARTIKEL | 100 HARI PERTAMA PENTADBIRAN KABINET SARAWAK AKAN DINILAI |
| M/S | 12 |
| BIDANG | CIVIL SERVICE |
| KATA KUNCI | CIVIL SERVICE |

100 hari pertama pentadbiran Kabinet Sarawak akan dinilai



Oleh Prof Madya Dr Awang Azman
Awang Pawi
bhrencana@bh.com.my

Selepas mendapat mandat pertama dan besar dalam Pilihan Raya Negeri (PRN) Sarawak ke-12, Ketua Menteri, Tan Sri Abang Johari Openg dilihat lebih yakin membentuk Kabinet idamannya.

Abang Johari mencipta sejarah selepas Gabungan Parti Sarawak (GPS) dianggotai Parti Pesaka Bumiputera Bersatu (PBB), Parti Rakyat Sarawak (PRS), Parti Demokratik Progresif (PDP) dan Parti Bersatu Rakyat Sarawak (SUPP) memenangi 76 daripada 82 kerusi Dewan Undangan Negeri (DUN).

Ini memberikan mandat besar selepas empat tahun pemerintahan Abang Johari yang sebelum ini diwarisi daripada mandat penyandang, Allahyarham Tan Sri Adenan Satem.

Kini, dengan mandat sendiri, Abang Johari berpeluang mengetuai Kabinet dianggotai 10 menteri seperti termaktub dalam Perlembagaan Negeri.

Sebagai negeri berstatus wilayah sejak sebelum pembentukan Malaysia hingga kini, Majlis Tertinggi Sarawak dikenali sebagai Kabinet Negeri Sarawak.

Wilayah dalam konteks ini bermaksud antara wilayah sebelum membentuk Malaysia. Sesuai dengan konteks ini, Kabinet dianggotai Ahli Dewan Undangan Negeri (ADUN) dikenali sebagai Menteri. Menteri pula bergantung kepada kekananan jawatan dan akan dianggotai seorang atau dua ADUN dikenali sebagai Menteri Muda.

Sudah tentu sistem ini berbeza dengan negeri lain yang hanya dikenali sebagai Majlis Mesyuarat Kerajaan Negeri dianggotai Ahli Majlis Eksekutif lebih dikenali sebagai EXCO.

Kabinet Sarawak kesinambungan sejarah politik negeri. Terdapat Timbalan Ketua Menteri I, II dan III, iaitu Datuk Amar Douglas Uggah Embas (PBB), Datuk Amar Awang Tengah Ali Hasan (PBB) dan Datuk Seri Prof Dr Sim Kui Hian (SUPP). Ia mewakili tiga etnik utama di negeri ini, iaitu Melayu, Dayak dan Cina, manakala setiap menteri penuh dibantu Menteri Muda.

Terdapat 24 Menteri Muda dilantik berdasarkan beberapa aspek utama. Pertama, wakil rakyat daripada zon utara, tengah dan selatan Sarawak bagi memastikan setiap wilayah kawasan diwakili, sekali gus dapat dibangunkan serta tiada terpinggir daripada pembangunan.

Begitu juga dari segi etnik memancarkan kepelbagaian termasuk Orang Ulu, Melanau, Bidayah, Iban dan Melayu mewakili anggota Kabinet Sarawak, sekali gus menunjukkan tiada satu etnik pun dapat berkuasa jika tidak bekerjasama.

Tanpa perpaduan utuh, mereka tidak akan membentuk Kabinet idaman. Justeru, mana-mana pihak atau parti bermain dengan kad perkauman akan ditolak seperti dibuktikan dalam keputusan PRN Sarawak baru-baru ini. GPS pula mengamalkan politik kanan tengah atau moderat dapat diterima majoriti besar.

Kabinet pertama Abang Johari pasti dihasratkan lebih cekap, padu dan ampuh. Tempoh sedikit lama diperlukan untuk merancang, memilih dan menyangkir bagi memastikan yang terbaik berada dalam Kabinet.

Sudah pasti, keanggotaan Kabinet adalah ahli berkewibawaan tinggi, mempunyai merit dan membayangkan jenis pemimpin masa depan Sarawak.

Selaku Ketua Menteri, Abang Johari menerajui tiga Kementerian, iaitu Kementerian Kewangan dan Ekonomi Baharu; Kementerian Sumber Asli dan Pembangunan Bandar; Kementerian Tenaga dan Kelestarian Alam Sekitar.

Ia kunci pembangunan menyeluruh seperti Kementerian Kewangan merancang, mengawal selia dan memastikan kedudukan kewangan berhemah dalam konteks perbelanjaan dalam pembangunan.

Aspek ekonomi baharu pula merujuk penumpuan aspek pembuatan, perkhidmatan dan teknologi bagi menghasilkan industri mempunyai nilai tambah serta membolehkan teknologi dapat disesuaikan. Di sinilah terletak visi dan misi Ketua Menteri untuk memajukan pembangunan dan menuju ke arah negeri maju pada 2030.

Kementerian Sumber Asli misalnya sangat penting dalam mengawal dan menguasai sumber kekayaan khazanah negeri termasuk sektor minyak, gas asli, arang batu, logam, batu dan pasir, sekali gus membabitkan sumber luas seperti tanah serta air.

Sesiapa sahaja memegang jawatan ini adalah pemegang kunci kepada kekayaan khazanah negeri. Ini perlu dimanfaatkan agar pembangunan negeri bersifat lestari dan memastikan aspek alam sekitar dipelihara. Seajar dengan itu, Ketua Menteri juga mengalasnya.

Dalam politik Sarawak, kekananan ahli Kabinet terletak kepada jawatan dipegang. Misalnya jawatan Timbalan Ketua Menteri ialah jawatan kanan dalam Kabinet selepas Ketua Menteri.

Selain itu, kekananan dan kepercayaan Ketua Menteri kepada pelapis pemimpin masa depan dapat dilihat dari segi jawatan disandang. Misalnya Awang Tengah selaku Timbalan Presiden PBB selain memegang jawatan Timbalan Ketua Menteri Sarawak, beliau juga menerajui Kementerian strategik, iaitu Menteri Kedua Kementerian Sumber Asli dan Pembangunan Bandar, selain menjadi Menteri Perdagangan Antarabangsa dan Pelabuhan.

Douglas yang juga Timbalan Presiden PBB sayap Pesaka selaku Timbalan Ketua Menteri Sarawak, turut menerajui Kementerian Infrastruktur dan Pembangunan Pelabuhan, selain Menteri Kedua Kewangan dan Ekonomi Baru.

Datuk Abdul Karim Rahman Hamzah pula dilantik sebagai Menteri Belia, Sukan dan Pembangunan Keusahawanan, selain Menteri Pelancongan, Industri Kreatif dan Seni Persembahan.

Secara tidak langsung ia membayangkan adalah jawatan menteri kanan. Berdasarkan kekananan jawatan Kabinet diberikan, jelas memancarkan kepercayaan Ketua Menteri kepada tiga pemimpin masa depan Sarawak ini.

Barisan Kabinet Sarawak merangkumi muka baharu dan lama daripada pelbagai latar belakang profesional serta pengurusan seperti peguam, jurutera, akauntan, perubatan, sains politik, pendidikan serta agama.

Kepelbagaian ini menjadikan segala pengalaman dan pengetahuan dapat dimanfaatkan dengan baik dalam pentadbiran negeri.

Menurut Abang Johari sendiri, Kabinet diketuai akan membimbing dan memupuk penyerntaan pemimpin muda dalam pentadbiran serta dasar negeri.

Kabinet sebagai sebahagian badan eksekutif berperanan penting dalam aspek demokrasi. Ia berfungsi melaksanakan empat perkara utama, iaitu menentukan arahan utama untuk dilaksanakan jentera pentadbiran kerajaan negeri, menghalusi segala dasar kepada rakyat, memastikan kecekapan pentadbiran negeri untuk memastikan Sarawak maju menjelang 2030.

Sebagai Kabinet bertanggungjawab, prinsip konsensus atas segala keputusan sangat penting bagi menunjukkan semangat berpaduan utuh. Yang penting suku tahun pertama atau 100 hari pembentukan Kabinet Sarawak, suatu penilaian prestasi perlu dibuat terhadap pentadbiran Abang Johari dan Kabinet dalam konteks memberikan perkhidmatan terbaik kepada rakyat dan memastikan budaya kerja cemerlang dilaksanakan.

Penilaian prestasi terhadap Kementerian dan jabatan, kepemimpinan perlu dinilai dalam konteks keberhasilan inisiatif serta penilaian rakyat terhadap ahli Kabinet, Kementerian, jabatan di bawah portfolio masing-masing, manakala wakil-wakil rakyat perlu dinilai dari segi pelbagai aspek termasuk kekerapan turun ke padang, mesra rakyat dan peka kepada masalah setempat serta membawa pembangunan setempat.

Wakil rakyat perlu memastikan peruntukan pembangunan melimpah sampai kepada penduduk akar umbi memandangkan Sarawak adalah negeri terbesar memperuntukkan Projek Kecil Luar Bandar (MRP) dan Projek Transformasi Luar Bandar (RTP) bagi memastikan pembangunan setempat dapat dimajukan lebih rancak, telus, cekap serta berintegriti.

Peruntukan besar diperkenalkan sejak pemerintahan Adenan. Malah gaji wakil rakyat dan ahli Kabinet Sarawak tertinggi di negara ini bagi memastikan wakil rakyat dalam keadaan selesa dan tidak terjebak dalam gejala rasuah.



| | |
|-----------------|--|
| DISEDIAKAN OLEH | 1-PN NOR SURIANI BINTI MOHD ZIN (S44), BPM 2-CARLOS LINTON (S19), BPM UNIT PERPUSTAKAAN, BPM |
|-----------------|--|